



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9772811380008

MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI

MAKLUMAN AWAL VSSPT 3.0 2022/2023

DR WAN ZUMUSNI HJ WAN MUSTAPHA, DR TINY AZLEEN YAHAYA
& DATIN DR ROMAIZAH ABDUL KADIR

Sambutan hangat yang diterima di Virtual Summit Sekolah Penulisan Tesis (VSSPT 1.0 dan VSSPT 2.0) membuatkan pihak Star Excellent Resource (sebelum ini Inspiwriter Academy Ventures) meneruskan program mega tahunan yang dinamakan “Virtual Summit Sekolah Penulisan Tesis (VSSPT)”. VSSPT merupakan sebuah seminar akademi secara dalam talian berbentuk rakaman. Jika VSSPT 1.0 dan 2.0 menampilkan lebih dari 30 orang panel, VSSPT 3.0 hanya melibatkan 11 orang panel, dengan 12 topik yang lebih memberi tumpuan kepada pengetahuan asas dunia pengajian tinggi dan penulisan kajian.

VSSPT 3.0 kali ini bertemakan “Road to Proposal Defence” yang memberi fokus kepada penyediaan kertas cadangan kajian. Kumpulan sasaran utama VSSPT 3.0 adalah pelajar pasca siswazah baharu yang baru mendaftar dan bakal pendaftar pengajian Master dan PhD dengan tumpuan kepada siswazah sains sosial dalam dan luar negara. Tujuan program ini bagi membantu pelajar pasca siswazah mendapatkan maklumat yang strategik dan taktikal dalam dunia penulisan tesis, khususnya penulisan kertas cadangan kajian. Usaha ini mengumpulkan input daripada para panel yang terdiri daripada pakar bidang.

Tidak seperti VSSPT 1.0 dan 2.0 yang menampilkan 30 panel dengan 31 topik kuliah, kelainan yang dibawakan dalam VSSPT 3.0 ini hanya menampilkan 11 panel dengan 12 topik khusus yang melibatkan topik teknikal, motivasi, dan sokongan. Topik kuliah disusun bagi memberikan pengenalan dunia penyelidikan serta perkara asas berkait teknikal dalam penulisan tesis, juga diselit kuliah motivasi dan sokongan bagi mengukuhkan kefahaman peserta memahami dunia pengajian tinggi Master dan PhD dan keperluan tesis.

Program ini mensasarkan kepada (1) pelajar yang sedang merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Master dan PhD bagi tujuan akademik dan bukan akademik. (2) Pelajar pasca siswazah yang baharu mendaftar ke peringkat Master dan PhD. (3) Pelajar pasca siswazah yang sedang kabur dan gusar di tahun pertama atau mungkin sudah melepasi tahun pertama namun tarikh proposal defence belum kelihatan. (4) Pelajar pasca siswazah yang belum jelas topik kajian dan belum bersedia untuk proposal defence. (5) Pelajar pasca siswazah yang hampir putus asa kerana tersasar haluan seawal pengajian. (6) Pelajar pasca siswazah yang memerlukan fokus dan tindakan baharu dan juga kepada golongan Pensyarah yang sedang mencari ‘potential supervisee’.

Selain memperkenalkan pelajar kepada dunia pengajian tinggi dan cabarannya, panel kali ini akan memberi lebih banyak tumpuan kepada kemahiran yang diperlukan oleh pelajar pasca siswazah seperti penulisan kertas cadangan kajian dan pemilihan metodologi kajian yang sesuai untuk penulisan tesis akademik oleh pakar-pakar yang bersedia berkongsi ilmu, maklumat dan pengalaman dalam dunia akademik dan penulisan tesis.

VSSPT 3.0 akan dijalankan secara dalam talian (menggunakan Facebook Group) dengan tayangan video berjadual daripada panel dengan topik yang telah disusun oleh pihak penganjur seperti tahun-tahun sebelumnya. Pihak panel pembentang menyediakan video berdurasi lebih kurang 45 minit berdasarkan topik yang dicadangkan. Medium bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu.

Kuliah akan bermula pada 5 Disember 2022. Video kuliah akan dimuat naik pada setiap hari Isnin hingga Rabu, jam 9.00 malam. Pada hari Jumaat, jam 9.00 malam, panel yang terlibat dalam minggu acara akan dijemput untuk bersama LIVE dengan pihak penganjur dan peserta program. Ini memberi peluang untuk peserta program mengenali para panel dengan lebih rapat dengan bertanyakan soalan atau pandangan panel sebarang perkara yang melibatkan kepakaran panel atau yang berkaitan dunia pengajian tinggi.

Panel jemputan terdiri daripada pensyarah, pakar bidang dan pemain industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengajian tinggi dan yang berpengalaman mengendalikan pelajar pasca siswazah dunia akademik. Untuk VSSPT 3.0, pihak penganjur memilih sebahagian besar panel yang mempunyai program lanjutan kendalian sendiri.

Pihak panel berpeluang memperkenalkan diri dan juga program atau perkhidmatan yang dianjurkan bagi memudahkan peserta menyertainya sebaik tamat kuliah VSSPT. Dalam LIVE bersama panel, pihak panel diberi pilihan untuk menawarkan hadiah "Giveaway" kepada peserta. Pemilihan untuk hadiah "VSSPT Giveaway" dibuat oleh panel sendiri dengan melihat kesungguhan partisipasi peserta sewaktu kuliah berlangsung.

Sepanjang kuliah berlangsung secara dalam talian, para peserta boleh berkenalan dan berinteraksi sesama mereka dalam ruangan komen pada setiap kuliah. Bukan itu sahaja, pada setiap hari Sabtu, jam 9.00 malam, peserta akan berkumpul bersama Pengetua Program, Dr. Tiny Azleen binti Yahaya untuk sesi sembang santai bagi bertanyakan soalan juga mendapatkan suntikan inspirasi dan aspirasi.



Selain daripada mendapat maklumat dan ilmu melalui kuliah yang ditawarkan, program VSSPT ini adalah tempat berkumpulnya para pelajar pascasiswazah. Mereka bebas untuk berkenalan dan meluaskan jaringan sosial sesama rakan pascasiswazah. Jaringan sosial ini sangat penting untuk membentuk rantai ilmu dan kumpulan yang sama fikrah yang saling menyokong dan mendorong bagi melancarkan perjalanan pengajian peserta dan merencanakan lagi dunia pengajian tinggi.

Pihak penganjur VSSPT sangat menggalakkan peserta untuk berkenalan dengan rakan-rakan peserta lain dan para panel. Pengalaman dalam VSSPT 1.0 dan 2.0, terdapat kumpulan-kumpulan kecil yang terbentuk melalui jaringan persahabatan yang terjalin dalam program VSSPT ini malah ada peserta dan panel yang berkolaboratif untuk menulis artikel dan berkongsi bahan kajian kerana sama bidang dan area kajian. Malah ada peserta yang merisik Panel untuk menjadi penyelia apabila menyambung pengajian kelak.

Dewan kuliah program dalam talian ini akan terus dibuka sehingga bulan Jun, 2023. Peserta boleh mengakses kuliah-kuliah pilihan pada bila-bila masa sahaja sepanjang tempoh enam bulan tersebut. Semua peserta dikenakan yuran kemasukan berdasarkan tahap kecepatan pendaftaran. Hanya dengan sekali bayaran, peserta boleh akses kepada kesemua 12 kuliah oleh 11 panel dan berpeluang berinteraksi sesama peserta, panel serta pengetua program.

Nantikan kemunculan VSSPT 3.0 dan tarikh pendaftaran dibuka untuk dapatkan tawaran yuran *Early Bird* untuk seminggu sahaja selepas hari peluncuran pada 24 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022. Seterusnya yuran bertukar untuk Super Bonanza pada 1 November 2022 hingga 30 November 2022 dan bermula 1 Disember 2022, yuran asal akan dikenakan.

Bakal peserta boleh menyertai kumpulan telegram Jom Buat PhD untuk mendapatkan maklumat lanjut penyertaan di <https://t.me/+xlqb2GzkTNg2ODE1>.